



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### MENENTUKAN KEMAMPUAN PEMANDU MENGIKUT UMUR PERLU PENDEKATAN HOLISTIK

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) komited dalam meningkatkan keselamatan jalan raya kepada semua pengguna termasuk pejalan kaki melalui pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan.

MOT ingin memaklumkan bahawa Lesen Memandu Malaysia (LMM) diberikan kepada mana-mana individu yang telah menunjukkan kecekapan dan kemampuan untuk mengendalikan kenderaan di jalan raya dengan selamat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Merujuk kepada cadangan untuk mengenakan syarat khas bagi pengeluaran LMM kepada warga emas yang berusia 70 tahun ke atas, aspek yang lebih luas dan holistik termasuk keperluan untuk mobiliti dan faktor sosio-ekonomi lain harus dipertimbangkan, bukan sekadar tertumpu kepada faktor usia semata-mata.

Manakala cadangan untuk menghadkan pengeluaran Lesen Kenderaan Motor (LKM) kepada golongan sama (warga emas) berupaya menimbulkan situasi lain misalnya, seseorang hanya perlu meminjam atau menggunakan kenderaan yang bukan miliknya semata-mata mahu melanggar peraturan ini (jika cadangan dilaksanakan).

Sebarang perubahan dasar yang berkaitan dengan LMM dan LKM harus dilakukan menerusi pendekatan sistematik dan menyeluruh berdasarkan bukti kukuh. Menilai seseorang pemandu hanya bersandarkan kepada faktor umur atau merujuk kepada kes terpencil semata-mata hanya akan menimbulkan diskriminasi terhadap golongan tersebut.

Tambahan pula, LMM juga merangkumi semua kenderaan termasuk motosikal yang sekiranya ia berdasarkan kepada faktor usia sahaja, pasti akan meninggalkan banyak kesan terhadap individu termasuk mereka yang berada di kawasan luar bandar dan tidak memiliki mod pengangkutan yang lain.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Walau bagaimanapun, isu ini perlu dilihat secara kolektif dan inklusif dengan mengambil kira pandangan semua pemegang taruh untuk merangka pelan penambahbaikan yang berkesan dan mapan dapat dicapai. Faktor sosio-ekonomi seperti menggunakan kenderaan sebagai punca pendapatan khususnya mereka yang menggunakan motosikal di kampung-kampung dan kawasan pedalaman serta keperluan bagi tujuan kecemasan atau mendapatkan rawatan perubatan perlu diambilkira.

Isu keselamatan jalan raya yang melibatkan pemandu warga emas turut dihadapi oleh sebahagian besar masyarakat dunia. Namun, menarik balik atau mengehadikan lesen sah mereka haruslah menjadi pilihan terakhir setelah mereka terbukti tiada keupayaan atau kemampuan untuk memandu. Ramai pemandu yang berumur lebih dari 70 tahun menunjukkan kecekapan dalam pemanduan berbanding pemandu yang lebih muda atas beberapa faktor termasuk yang berkaitan dengan tahap kesihatan mereka.

Seksyen 30 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang berkuatkuasa pada masa ini juga menetapkan tanggungjawab kepada pemandu / pemegang lesen untuk secara sukarela menyerahkan lesen memandu apabila mempunyai tahap kesihatan yang tidak memuaskan dan boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Walaupun begitu, MOT menekankan bahawa setiap pemandu bertanggungjawab menggunakan kenderaan masing-masing dengan selamat mengikut undang-undang yang ditetapkan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **HOLISTIC APPROACH NEEDED TO DETERMINE ABILITY TO DRIVE, BESIDES AGE**

The Ministry of Transport Malaysia (MOT) is committed to holistically developing and improving policies that promote and inculcate road safety for all road users and pedestrians, through a combination of education, enforcement, and advocacy.

The privilege of a Malaysian Driving License (LMM) is granted by a road transport authority as an accreditation to an individual who had satisfactorily shown the competency and ability to safely operate a vehicle on the road as provided under the Road Transport Act 1987 (Act 333).

With regard to suggestions to limit issuance of LMM to senior citizens aged 70 and older, a broader, more holistic angle including the need for mobility and other socio-economic factors should be considered, instead of only the age factor.

In response to several news portals' reports on the proposal to limit issuance of a Motor Vehicle License (LKM) or popularly known as a 'road tax' to the same group based on their age, this suggestion could potentially lead to a scenario where a person simply borrows a vehicle from another owner to circumvent this rule.

Any related policy change to the LMM and LKM must be handled with a systematic, evidence-based approach, and treated with foresight. Simply refusing a driver the means to drive on the basis of their age or based on isolated or anecdotal evidence is discriminatory.

Furthermore, as the LMM covers both motorcars and motorcycles, restricting LMM based on age alone would also leave many individuals that rely on motorcycles, including those in rural areas, without any mode of personal transport.

A thorough, inclusive, and collective discussion that takes all stakeholders' views into account is crucial to map out any effective improvement plan. Such a plan must also consider socio-economic factors such as the need to use a car to earn an income or for visits to the medical clinic.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Road safety issues related to aging drivers are faced by a majority of jurisdictions worldwide but withdrawing or limiting a valid license to any individual based on their age should be a last resort after transparently verifying the person's fitness to drive with a recognised test. Many drivers far over age 70 display greater competence in driving compared to their younger peers for any number of reasons including those related to medical conditions.

Section 30 of Act 333 also provides for license holders to surrender their licenses voluntarily at any Road Transport Department office for medical reasons that may pose a danger to other road users.

Nevertheless, we stress that it is also every driver's responsibility to use vehicles safely and competently according to the prescribed laws.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**25 SEPTEMBER 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

